

Apa Tema Hari Kebangsaan

" Dua puluh tahun bersatu maju."

Twenty years of Unity and Progress.

5/78

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI,

DATUK HUSSEIN ONN, SEMPENA HARI

KEBANGSAAN TAHUN 1977 YANG DI-

SIARKAN MELALUI RADIO DAN TV

MALAYSIA PADA 30HB. OGOS, 1977

JAM 10.10 MALAM

(RAKAMAN DI ANGKASAPURI PADA
29HB. OGOS, 1977 JAM 10.00PAGI)

28 muka

29 paragraph.

masa:

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH!

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Esok, kita akan menyambut Hari
Kebangsaan, merayakan Ulangtahun Yang Ke 20
Kemerdekaan Tanah Air. Perayaan tahun ini,
amatlah penting dan besar maknanya kepada
kita sekalian, kerana pada hari esok, kita
mula melangkah masuk ke tahun yang ke 21, *yang*
merupakan tahun kedewasaan.

2. Tahun ini ialah tahun kedua, Hari
Kebangsaan dirayakan dalam bulan RAMADHAN

yang suci dan mulia. Kebetulannya pula,

Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat

Kebangsaan, dimulakan pada malam esok.

Kesemuanya ini, membawa erti yang amat besar

kepada Umat Islam, kerana disamping menunaikan

rukun Islam ^{yang} ke Tiga ——— puasa yang diwajibkan

keatas mereka, serta beramal-ibadat dan

bertaqwa kepada ALLAH, mereka dapatlah

menguatkan lagi tekad dan azam mereka, untuk

berkhidmat dan berkorban kepada bangsa, ugama

dan negara.

3. ~~Memanglah menjadi lumrah bahawa~~
Sambil kita merenung kembali kemajuan dan
kejayaan yang telah kita perolehi selama
20 tahun yang lalu, kita haruslah juga
mengkaji dan meneliti kekuatan dan kelemahan
kita, ^{supaya} ~~bagi~~ membolehkan kita mengatur dan
menyusun langkah dan tindakan yang lebih
kemas dan tegas, untuk menghadapi cabaran-cabaran
yang lebih besar lagi, dalam tahun-tahun
yang akan datang.

4. Sesungguhnya, tiada siapa pun yang
boleh menafikan bahawa, dengan perpaduan,

ketabahan dan ketahanan rakyat, kemajuan
dan kejayaan yang telah kita perolehi dalam
jangka masa 20 tahun ini, adalah jauh
berlipat ganda dari apa yang telah dilaku
dan dilaksanakan semasa kita berada di-
bawah pemerintahan penjajah, lebih setengah
abad sebelum kemerdekaan.

5. ^{*hendak*} Saya tidaklah berhajat/~~menghuraikan~~
satu persatunya, kejayaan dan kemajuan yang
telah dicapai, kerana perpaduan, keamanan
dan kemakmuran yang telah kita nikmati

pada hari ini, adalah bukti nyata hasil perancangan dan pembangunan teratur, yang disusun dan dilaksanakan oleh rakyat, pemimpin dan pentadbir kita sendiri.

6. Dari sebuah negara yang mundur dan miskin, di mana rakyatnya yang berbilang kaum, telah ^{berbelah-bagi} ~~dibelah-bahagi~~ dan diperintah oleh kuasa-kuasa luar, pemimpin-pemimpin kita yang gigih dan berani yang terdahulu, telah berjaya membangkitkan semangat kesedaran, serta menyatupadukan rakyat dan penduduk

berbilang kaum, berlainan ugama dan keturunan,
membebaskan tanah air kita dari ^{pemerintahan} ~~belunggu~~
penjajah~~an~~, sehingga menjadikan Malaysia
sebuah negara yang maju dan terkenal.

7. Hari ini, kita bukan sahaja telah
dapat bersatu dan maju, membawa kemakmuran
dan kebahagiaan kepada 10 juta orang di-
Semenanjung, tetapi telah dapat juga memper-
juangkan kebebasan dan kemerdekaan rakyat
di Sabah dan Sarawak, untuk bersama-sama
menikmati kemewahan dan kemakmuran, dari

titek peluh dan usaha kita sendiri.

8. Sewajarnya kita sekalian,
bersyukur kehadiran ALLAH Subhanahu Wataala
atas limpah rahmatNYA, dengan menjunjung
tinggi serta menghargai perpaduan, kemajuan
dan kejayaan, yang telah kita perolehi
setakat ini. Sempena dengan perayaan
Hari Kebangsaan ini, marilah kita berusaha
dengan lebih bersungguh-sungguh, serta dengan
jujur dan ikhlas, memelihara dan meningkatkan
lagi perpaduan dan kemajuan ini, supaya

ianya dapat terus dinikmati oleh anak-cucu kita, dalam beberapa keturunan yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Sebagaimana kita sedia maklum, bahawa penekanan terhadap perayaan tahun ini, ialah penyertaan muda-mudi, khususnya mereka yang dilahirkan pada 31hb. Ogos, 1957. Mengikut statistik, seramai 1,104^{orang} kanak-kanak telah dilahirkan pada hari tersebut, yang akan bersama-sama dengan Negara, melangkah masuk ke tahun kedewasaan. Seramai lebih

200 ribu lagi, dilahirkan pada tiap-tiap tahun selepas Hari Kemerdekaan, yang mana mengikut Perlembagaan, kebanyakannya berhak menjadi warganegara. Sebagai tunas dan tenaga baru, merekalah yang akan mengambil alih tugas dan peranan dari kita kelak, dan yang akan mencorakkan ~~ke~~*kewi-bawa-an* kewibawaan dan keperibadian negara, di masa akan datang.

10. Sesungguhnya, mereka ini, dan beribu-ribu lagi yang dilahirkan dalam tahun-tahun lima puluhan sebelum Merdeka, yang sekarang sudah meningkat umur kedewasaan, masih belum ada lagi, atau masih kecil lagi pada ketika itu,

untuk menyaksi dan mengikuti sendiri, sejarah
perjuangan dan perkembangan politik tanah
air, sehingga kita dapat membebaskan negara
 dari ~~belenggu~~ ^{semeunitahan} penjajah ~~dan~~.

11. Sewajarnya, gulungan ini diberi
pengetahuan seluas-luasnya, serta didikan
 mengenai sejarah perjuangan kemerdekaan
 tanah air, khusus ^{nya} mengenai semangat tolak-ansur
serta kata-sepakat, yang telah dicapai dan
 dilahirkan oleh pemimpin-pemimpin berbilang
 kaum, semasa menggubal ^{kan} Perlembagaan Negara.

Perpaduan dan persefahaman yang padat di-
 kalangan kaum inilah, yang telah mendorong
 Kerajaan British memberikan kemerdekaan,
lebih awal dari tarikh ~~sebenarnya~~ yang
 telah ditetapkan.

12. Semangat inilah, yang patut di-
 semai dan disuburkan dihati ^{sanu-bari} sanubari jenerasi
muda, supaya mereka benar-benar faham serta
 nilaikan segala kemajuan yang telah tercapai.

13. Dengan mengetahui dan benar-benar
 memahami sejarah perjuangan kemerdekaan

serta semangat toleransi, tolak-ansur dan muhibbah, yang sentiasa diamalkan oleh golongan yang terdahulu dari mereka, barulah ~~kita~~ ^{kita} dapat ~~membangkit~~ ^{kan} kesedaran di kalangan generasi muda ini, supaya mereka insaf dan menjunjung tinggi kemajuan dan kejayaan yang telah diperolehi itu. Kita tidaklah boleh membenar dan membiarkan, bahawa oleh kerana kejahilan mereka terhadap semangat ini, mereka boleh melakukan sesuatu, atau mengambil sebarang tindakan, yang boleh menjejaskan perpaduan dan kemajuan yang

telah diperolehi dan dinikmati selama ini.

14. ~~Bagi~~ Kita yang telah sama-sama terlibat dan menyertai dalam perjuangan kemerdekaan tanah air, dan kemudiannya mengisi kemerdekaan^{itu}, hendaklah sentiasa memberi pimpinan dan bimbingan kepada jenerasi muda ini,^{supaya} ~~bagi~~ memastikan ^{bahwa} ~~supaya~~ segala asas yang telah dibina dan diperkukuhkan selama ini, bagi mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu, kukuh, progresif dan adil, dapat terus dipelihara dan kekalkan,

bukan setakat 20 tahun yang akan datang *sahaja*,
bahkan buat selama-lamanya.]

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Sekalipun dalam masa 20 tahun, kita telah banyak menghadapi cabaran dan dugaan, yang mana pada satu ketika, telah menggugat asas perpaduan negara, tetapi oleh kerana wujudnya semangat suci dan mulia ini, maka kita telah dapat mengatasi segala kesulitan dan ancaman *itu*.

16. Dalam usaha kita membina perpaduan negara di atas asas yang lebih kukuh, *lagi*,

maka dengan persetujuan pemimpin berbilang kaum, masyarakat, agama dan politik, kita telah dapat juga mewujudkan ^{fal-safah} satu falsafah kebangsaan, iaitu Rukun Negara. Prinsip-prinsip inilah, yang menjadi pegangan dan panduan kita, menghadapi masa depan negara, dengan penuh keyakinan dan lebih terjamin *lagi*.

17. Berasaskan prinsip dan tujuan Rukunegara inilah, kita telah dapat melahirkan Dasar Ekonomi Baru, yang mempunyai dua matlamat penting, kearah mengeratkan lagi

perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat
berbilang kaum. ~~dalam satu jangka masa~~
~~yang ditetapkan.~~

18. Saya penuh yakin, dengan usaha
yang lebih bersungguh-sungguh, serta
kerjasama dan sokongan semua pihak, kita
akan dapat mewujudkan satu bentuk rupa-bangsa,
yang benar-benar tulin bagi negara kita.

Tiap-tiap warganegara, tidak lagi mengenal
meng-anggap-kan
atau menganggap dirinya sebagai rakyat
keturunan sesuatu kaum, tetapi rakyat Malaysia.

✓ Saya harap, mulai dari hari ini, kita haruslah sedikit demi sedikit, menyingkirkan semangat dan perasaan perkauman ini, dan hendaklah melaHIRkan dalam segala perbuatan, pemikiran dan tindakan kita, sikap dan keperibadian rakyat Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Sesungguhnya, Dasar Pelajaran Kebangsaan, juga mempunyai tujuan utamanya kearah pembentukan satu rupa bangsa ini.

Penyatuan rakyat dan perpaduan negara, dapat

dilaksana dan diwujudkan, dengan lebih pesat dan berkesan lagi, jika lebih dari 200 ribu anak-anak, yang mula menerima pelajaran pada tiap-tiap tahun, diberi didikan dan asuhan sehingga mereka menjadi dewasa, dalam suasana yang lebih sesuai, yang boleh melahirkan persefahaman dan saling mengerti, diantara satu sama lain. Inilah sebaik-baik jalan, bagi kita menyemai dan menyuburkan semangat kesetiaan dan cintakan tanah air, serta membentuk sikap, pemikiran dan keperibadian Malaysia, di kalangan anak-anak kita, iaitu dari sejak mereka berada dalam gulungan yang masih mudah dinentuk, supaya apabila dewasa kelak, mereka akan menjadi rakyat

yang taat setia.lagi bertanggungjawab.

20. Tujuan rancangan Rukun Tetangga dan perkhidmatan Pasukan RELA, juga mempunyai matalamat yang sama. Dengan melibatkan rakyat dalam rancangan pertahanan bagi mencegah kegiatan anasir-anasir anti-nasional ~~dan~~ ~~serta~~ kegiatan jenayah, masyarakat setempat dapat mengeratkan lagi perpaduan dan persefahaman, yang boleh menjadi sumbangan penting kearah mengukuhkan lagi perpaduan negara. Disamping dapat mewujudkan kesedaran,

dan ketahanan nasional di kalangan rakyat, bagi menjamin keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran negara yang berkekalan, rakyat juga dapat memahami, bahwa adalah menjadi kewajiban mereka, bersama-sama mencegah kegiatan dan perbuatan yang mengancam keselamatan negara. Tugas ini, akan membangkitkan perasaan tanggungjawab dan semangat cintakan tanahair, di kalangan rakyat.

21. Sesungguhnya, perasaan dan semangat *Elias* inilah, yang telah mendorong Prebet ~~lelias~~ bin Ibrahim dari Pasukan Pertahanan Tempatan

Perak, berjuang dengan gagah dan berani,
 menunjukkan ^{ke-per-wira-an} ~~kehandalan~~ yang tidak ada tolok
 bandingnya, dalam pertempuran^{nya} dengan 30 orang
 pengganas kominis, dan berjaya membunuh
 tiga dari mereka^{itu} pada 15hb. Ogos lalu.

Kegagahan dan keberanian anak kampung dan
 rakyat biasa ini, patutlah menjadi contoh
tauladan yang cemerlang kepada kita dan
 rakyat seluruhnya.

22. Kesedaran di kalangan rakyat mengenai
keselamatan, serta menyampaikan segera
 maklumat-maklumat mengenai segala kegiatan

dan perbuatan yang disyaki, telah memberi bantuan yang besar kepada pasukan Polis dan Angkatan Tentera, dalam tugas mereka menjaga keamanan, dan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara. Kesedaran ini, amatlah membanggakan.
menggalakkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

23. Sambil kita merayakan Hari Kebangsaan ini, marilah kita mengingati jasa dan khidmat cemerlang anggota pasukan keselamatan, terutama mereka yang telah gugur atau cacat-cedera.

..23/-

Mereka ini telah berjuang serta berkorban
nyawa, bagi membolehkan kita menikmati
keamanan dan kemewahan, ^{dan} ~~serta~~ membolehkan
kita, terus menganuti sistem hidup bebas, yang
telah kita pusakai sejak zaman berzaman itu.

24. Marilah kita insaf ^{dan} ~~serta~~ bersimpati
dengan keluarga yang telah kehilangan tempat
kasih-sayang, dan sumber untuk bergantung
kepada mata-pencarian, dan marilah kita
dengan penuh keikhlasan, menghulurkan bantuan
dan derma, bagi membolehkan balu dan anak-anak
yatim ini, mengecap nikmat hidup yang lebih

sempurna lagi. Inilah sebaik-baik balasan,
yang harus kita berikan sebagai menghargai
jasa bakti mereka, yang telah terkorban kerana
negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

25. Perayaan Hari Kebangsaan tahun ini
menjadi semakin meriah dan bermakna, dengan
adanya Musabaqah Membaca Al-Quran, yang akan
berlangsung selama seminggu, mulai malam
esok. Sesungguhnya, usaha kita dalam bidang

inilah, yang telah mengharumkan nama Malaysia
di kalangan negara-negara Islam.

26. Penyertaan dan penglibatan kita
dalam kegiatan-kegiatan dan Persidangan-persi-
dangan Negara-Negara Islam, Negara-Negara
Komanwel dan Negara-Negara Berkecuali, telah
mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman
kita dengan negara-negara luar. Peranan kita
dalam ASEAN telah membawa faedah dan keuntungan
kepada negara.

27. Disamping mengeratkan kerjasama
serantau, dan kerjasama dua-hala, dalam bidang

ekonomi, kebudayaan, sains dan teknologi,
 dengan negara-negara ASEAN dan negara-negara
meng-abai-kan
 Islam, kita tidak pula mengabaikan hubungan
 persahabatan kita dengan negara-negara lain,
 yang hendak berbaik-baik dengan kita, khususnya
 negara-negara jiran yang bukan di dalam ASEAN.

28. Kesemuanya ini, kita lakukan *oleh kerana* ~~ialah~~
hendak
~~bagi~~ mewujudkan keamanan, keharmonian
 dan persefahaman, yang boleh membawa faedah
 kepada negara dan dunia seluruhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

29. Akhirnya, saya sukalah, sempena dengan perayaan ulangtahun Kemerdekaan yang ke 20 ini, menyeru sekalian rakyat membaharui *lagi* tekad dan azam, bagi meningkatkan kemampuan dan keupayaan kita, serta berusaha bersungguh-sungguh, untuk membawa kemajuan kepada negara, *dan* ~~serta~~ mengeratkan lagi perpaduan rakyat, agar Malaysia yang telah *kita* sama-sama ~~kita~~ bina dan majukan ini, dapat terus wujud dan kekal buat selama-lamanya.

Terimakasih.

①

meskuarat Pegawai² Kemajuan negeri.

1. Pertama kali saya menghadiri meskuarat ini.
2. Pegawai² Kemajuan negeri adalah Pegawai Jabatan Perdana Menteri.
3. Peranan Pegawai² ini adalah sebagai Penyelaras, Penasihat, Pelaksana dan Perancang.
4. Sebagai Penyelaras.
 - (a) Setiausaha Jawatankuasa Tindakan negeri
 - (b) Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan negeri
(Arahan No 1, majlis Tindakan negeri)
 - (c) Tugas: menyelaras pelaksanaan program² dan project² di peringkat negeri.

(2)

Sebagai Perasihat.

Bekerja rapat dengan menteri Besar/Ketua man.

melaksanakan arahan M.B./K.M. yang
bertkaitan dengan pembungan.

6. Sebagai Pelaksana.

menyediakan program² berkenaan dengan
jalan² luar bandar, rumah² ibadat,
projek² kebajikan yang dibiayai daripada
Tabung Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan
dan kebajikan atau Peruntukan Khas
Perdana menteri. Dan juga projek² kecil
dan projek² ahli² Parlimen.

Sebagai Peranchang.

Tidak lagi dikahendaki menjalankan
peranan ini di negeri yang ada ejunit
Peranchang negeri, kecuali Perlis dan Johor.

8. Overview Kemajuan Pelaksanaan Projek².
(Lihat Laporan Kemajuan Projek 1977)
muka 2 Perenggan 3

(i) Kemajuan Perbelanjaan.
" SHORTFALL.

(ii) " Projek²

(iii) Ringkasan Kemajuan negeri².

(4)

4.

Dari analisa sebagaimana yang
ditunjukkan didalam Laporan,
Kemajuan pelaksanaan projek²
pembangunan 1977 amat tidak
memuaskan. (muka 12 perenggan 5).

10.

Iri menunjukkan kelemahan²
yang mesti diatasi. Dari itu
Pegawai² Kemajuan negeri hendaklah
bertindak untuk:

(a) menyelesaikan masalah²
antara agensi² dengan negeri.

(b) membantu agensi² menyelesaikan masalah² mereka.

(c) sebagai wakil Jabatan Perdana Menteri, hendaklah tegas, cekap dan tekun bekerja, sebagai contoh kepada agensi² lain.

(d) memperhatikan kemajuan pelaksanaan oleh tiap² agensi di negeri.

(e) memberi laporan kemajuan dari masa ke semasa.

~~Ini semua adalah arahan saya.~~

(6)

Penting pegawai² meneliti dan
menpastikan pelaksanaan sancharan²
pembangunan di negeri mengikut
jadual yang di tentukan.

maka hendaklah bugandukan
kepada perkara² yang diselutkan itu.
(di para 10).

12. Pujungan saya dan pegawai² K. N.
akan diadakan dari ~~seta~~ masa ke
semasa supaya saya mendasal tahu
sechara langsung kedudukan dan
kemajuan pelaksanaan, dan juga
mengetahui masalah².

Officers shd by now understand and

know fully the objectives of the

N. E. P. and T. M. P.

The Central Govt will be more
and more firm in ensuring
that policies and implementation
are carried out according to
plan.

No deviation, slackness, inefficiency
will be tolerated.

There will ^{be} more and stricter
supervision.

~~No political considerations will
interfere in ensuring success of the
T. I. P.~~

A.

I have said that I stake my
political future to ensure that
promises made in T. M. P. are
carried out.


B. The Govt is doing everything possible
to get the necessary funds to
implement the T. M. P.

Examples: Open Credit.

Foreign Domestic Loans.

Expenditure & Technology.

Personnel.



No Siri	305
No. Penerimaan	104/78